



**KETAKUTAN** mengejut menyebabkan pelatah mengalami *flight response*. - GAMBAR HIASAN

Oleh **HALINA MD. NOOR**  
 gayautusan@mediamulia.com.my

# Melatah petanda masalah kemurungan, tekanan

**P**ANTANG dicuit atau disergah, pelatah terlompat-lompat, mengajuk cakap orang termasuk memarahi orang yang mengusik mereka dengan perkataan kurang sedap di dengar.

Pelatah sebenarnya tidak sedar apa yang mereka lakukan atau katakan kerana ia adalah tindakbalas spontan akibat tabiat latah. Malah ada yang berdepan bahaya yang boleh mengancam keselamatan mereka sendiri.

Reaksi berlebihan individu melatah sering dianggap satu hiburan bagi kebanyakan orang yang galak mengusik mereka. Tanpa disedari, perbuatan itu membuka aib dan memalukan pelatah apabila video mereka melatah disebar.

Disebalik latah 'menghiburkan' itu, pelatah sebenarnya mungkin mengalami tekanan perasaan yang menyebabkannya cepat melatah apabila diusik.

Pakar Psikiatri dan Pensyarah Perubatan Jabatan Psikiatri Fakulti Perubatan dan Sains



**AISHAH SIDDIQAH ALIMUDDIN**

Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Aishah Siddiqah Alimuddin, berkata tabiat melatah kerap dilihat dalam kalangan individu yang mengalami tekanan.

"Individu mengalami tekanan, kemudiannya dikejutkan oleh orang di sekeliling mereka ketika mereka tidak memberi tumpuan boleh



**Tindak balas ini menyebabkan individu terbahit bercakap secara berulang-ulang (*Echolalia*), melakukan perbuatan berulang-ulang (*Echopraxia*)."**

menyebabkan mereka menunjukkan tindakbalas berlebihan.

"Ketakutan mengejut ini menyebabkan individu tersebut mengalami *Flight Response* yang

melakukan perbuatan berulang-ulang (*echopraxia*) dan mengikut arahan orang di sekeliling mereka (*automatic obedience*).

Dr. Aishah berkata, semua tindak balas ini berlaku di dalam keadaan luar sedar (*Dissociative*) dan sering tidak disukai oleh individu yang mengalaminya walaupun apa yang dilakukan individu pelatah dilihat sebagai hiburan kepada orang di sekeliling mereka.

"Sekiranya kerap diusik dan dikejutkan, tindakbalas ini boleh menjadi kebiasaan sehingga menjadi sebatian dalam diri mereka.

"Sebuah lagi teori menyatakan bahawa individu mengalami latah bertindak balas dengan perbuatan atau perkataan secara tidak sedar bagi meluahkan perasaan mereka yang terpendam dan tidak dapat diluahkan selama ini.

"Dalam kalangan komuniti tertentu, mungkin ada perkara-perkara yang tidak membenarkan mereka bersuara dengan terbuka atau menentangnya. Ini disebabkan wanita dalam komuniti itu perlu sentiasa tunduk dan mengikut arahan terutamanya wanita pada zaman dahulu," katanya.

mana rembesan hormon adrenaline menjadikan individu terbahit berdebar, berpeluh dan berasa letih," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Latah adalah sejenis sindrom berkait budaya, *Culture-bound Syndrome* dan pertama kali dilihat dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu pada zaman kolonial British.

Tabiat melatah sering dilihat unik dan banyak berlaku ke atas wanita dengan hanya segelintir sahaja lelaki mengalaminya.

Kondisi klinikal ini menyebabkan individu itu mengalami tindak balas kejutan yang berlebihan atau *HyperStartle Reflex*.

Tindak balas ini menyebabkan individu terbahit bercakap secara berulang-ulang (*echolalia*),